

Empat premis pelacuran ditutup, 'bilik khas' dirobuhkan

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menutup empat premis yang menawarkan perkhidmatan seks di kawasan Petaling dalam Parlimen Bukit Bintang selepas pemantauan dan risikan dijalankan selama beberapa hari.

Menurut DBKL, operasi penguatkuasaan itu dilaksanakan hasil maklumat risikan yang mengenal pasti empat premis menjalankan aktiviti persundalan di kawasan berkenaan.

“Semua premis tersebut telah ditutup serta-merta di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976,” ujarnya dalam satu kenyataan di Facebook.

Dalam tindakan sama, DBKL turut merobuhkan



Operasi penguatkuasaan di kawasan Petaling dilaksanakan hasil maklumat risikan.

struktur dalaman yang dibina untuk dijadikan bilik khas bagi kegiatan pelacuran.

Katanya, selain itu, empat notis tawaran kompaun dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.

“Semua barangan

yang berkaitan aktiviti persundalan turut disita dan dibawa ke stor sitaan di Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan rekod dan dokumentasi,” ujarnya.

Tegas DBKL, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.